

11/03/2004

Satu pertiga muka baru (HL)

Manja Ismail

KUALA LUMPUR: Lebih satu pertiga daripada calon Barisan Nasional (BN) untuk bertanding di kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) dan Parlimen, yang senarainya akan diumumkan hari ini, adalah muka baru dengan pelbagai latar belakang.

Umno saja akan mengetengahkan sehingga 40 peratus muka baru, sebahagian besarnya tenaga muda, sebagai calon BN di kawasan DUN dan Parlimen, pada hari penamaan calon Sabtu ini.

MCA, selaku parti komponen kedua terbesar dalam BN pula dijangka mencalonkan lebih 30 peratus muka baru tetapi mengekalkan semua menteri dan timbalannya sebagai calon.

Gerakan mengumumkan 50 peratus calon parti itu ialah muka baru serta menggugurkan dua exco kerajaan negeri dan dua penyandang kerusi DUN.

MIC pula meletakkan lapan muka baru daripada 28 calon DUN/Parlimen tetapi tidak mencalonkan Timbalan Presidennya yang juga Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk S Subramaniam dalam pilihan raya umum kali ini.

Sumber berkata, penonjolan ramai muka baru itu, antaranya dari kalangan sarjana Islam, pegawai kanan kerajaan, tokoh korporat dan profesional di bidang masing-masing, dianggap satu perubahan besar dalam sejarah BN menghadapi pilihan raya umum.

Dalam beberapa pilihan raya umum sebelum ini, BN hanya meletakkan antara 15 hingga 20 peratus muka baru. Sebanyak 219 kerusi Parlimen dan 505 kerusi DUN menjadi rebutan kali ini.

Menurut sumber itu, langkah BN mengetengahkan ramai calon berpendidikan Islam menunjukkan kesungguhan kerajaan untuk menerapkan Dasar Islam Hadhari atau pengurusan secara Islam dalam pemerintahan negara.

Pemilihan pegawai sektor awam pula adalah penerusan tradisi BN yang sentiasa mengambil kakitangan awam berpengalaman untuk meningkatkan kewibawaan pentadbiran kerajaan.

Malah, Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sendiri adalah seorang kakitangan awam sebelum menceburi bidang politik.

Sementara itu, antara sarjana Islam dan tokoh agama di kalangan muka baru Umno ialah Timbalan Rektor Kolej Universiti Islam Malaysia Antarabangsa, Profesor Datuk Dr Abdullah Md Zin; Imam Besar Masjid Negara, Datuk Firdaus Ismail; dan pensyarah Universiti Islam Antarabangsa, Datuk Dr Mashitah Ibrahim.

Dr Abdullah, rakan sepengajian Presiden Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang ketika menuntut di jurusan Dakwah dan Usuluddin di Universiti Islam Madinah, Arab Saudi pada 1968, akan bertanding sebagai calon BN bagi kerusi Parlimen Besut, Terengganu.

Dr Mashitah pula dijangka menentang bekas Imam Besar Masjid Negara, Datuk Dr Taib Azamuddin di Parlimen Baling, manakala Pirdaus akan bertanding di kawasan Parlimen Permatang Pauh.

Selain tiga tokoh berkenaan, ramai lagi muka baru yang berpendidikan agama pada peringkat negeri, dijangka diletakkan sebagai calon BN khususnya di Kelantan, Terengganu dan Kedah.

Seperti dilaporkan sebelum ini, ada menteri besar dan anggota Kabinet akan digugurkan, manakala beberapa lagi dijangka bertanding di kerusi Parlimen dengan tempatnya diisi oleh muka baru.

Pengarah Urusan Cycle & Carriage, Datuk Mohamad Hassan yang diletakkan sebagai calon BN di DUN Rantau, dikatakan bakal pengganti Menteri Besar,

Tan Sri Isa Samad yang akan berpindah ke kerusi Parlimen.

Timbalan Menteri Kerjaraya, Datuk Khaled Nordin pula akan bertanding di DUN Tiram bagi mengisi jawatan Menteri Besar, menggantikan Datuk Abdul Ghani Othman yang kembali bertanding di kerusi Parlimen Ledang.

Setiausaha Politik Perdana Menteri yang juga Ketua Penaja Umno Bahagian Kubang Pasu, Datuk Johari Baharom akan mengambil tempat penyandang di kerusi Parlimen itu, Tun Dr Mahathir Mohamad.

Timbalan Ketua Menteri Pulau Pinang, Datuk Dr Hilmi Yahya, tidak akan mempertahankan kerusi DUN Teluk Bahang kerana berpindah ke kerusi Parlimen.

Sehingga petang semalam, kedudukan beberapa menteri besar yang sebelum ini dilaporkan mungkin digugur atau berpindah ke Parlimen belum dapat disahkan. Bagaimanapun, Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Dr Mohamad Khir Toyo kekal mempertahankan kerusi DUN Sungai Panjang.

Selain Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Amar Leo Moggie; Menteri Tugas-Tugas Khas di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Mohd Effendi Norwawi dan Menteri Tanah dan Pembangunan Negara, Tan Sri Kasitah Gadam yang sudah disahkan tidak bertanding, seorang menteri dan timbalan menteri Umno juga dijangka berundur.

Mereka ialah Menteri Penerangan yang juga Setiausaha Agung Umno, Tan Sri Khalil Yaakob dan Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Khalid Yunus.

Veteran Umno lain yang akan berundur bagi memberi laluan kepada muka baru termasuk bekas Timbalan Perdana Menteri, Tun Ghafar Baba; bekas Menteri Kewangan, Tun Daim Zainuddin, bekas menteri - Datuk Paduka Zaleha Ismail dan Datuk Napsiah Omar; dan bekas Ketua Menteri Melaka, Datuk Abu Zahar Ithnin.

Antara Ahli Parlimen yang dijangka tidak dicalonkan semula ialah Datuk Railey Jeffrey, Datuk Dr Yusof Yaacob dan Datuk Amirkahar Mustapha (Sabah); Datuk Abdul Kadir Annuar, Datuk Ali Hassan dan Datuk Ruhanie Ahmad (Johor); Datuk Dr Abdullah Fadzil Che Wan (Perak); Datuk Zain Omar (Pulau Pinang); Datuk Abu Bakar Taib (Kedah); Tan Sri Abdul Hamid Pawanteh (Perlis) dan Timbalan Speaker Dewan Rakyat, Datuk Mohamed Abdullah (Pahang).